

**PAS: Kejatuhan mata wang bakal burukkan pertumbuhan ekonomi negara**  
**Malaysian Insider**  
**Aug 23 , 2013**  
**OLEH MD IZWAN**

Nilai mata wang negara yang jatuh pada paras terendah akan memburukkan lagi pertumbuhan ekonomi susulan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang dilaporkan berkembang perlahan, kata Pengarah Eksekutif Penyelidikan PAS Pusat Dr Dzulkefly Ahmad hari ini.

Rabu lalu, Bank Negara telah mengumumkan pertumbuhan KDNK pada 4.3 peratus, kadar yang dianggap perlahan menurut penganalisis ekonomi berbanding unjuran awal yang diramalkan pada 4.9 peratus.

"Dengan kejatuhan nilai mata wang negara pada paras terendah berbanding tahun sebelum ini, ia bakal memburukkan lagi pertumbuhan KDNK negara.

"Pertumbuhan ekonomi pada 4.3 peratus yang diumumkan Bank Negara bukan suatu yang baik, ia akan diburukkan lagi dengan kejatuhan mata wang negara," kata Dzulkefly dalam sidang media di ibu pejabat PAS, Jalan Raja Laut pagi ini.

Nilai ringgit jatuh melebihi 7 peratus tahun ini, paling rendah berbanding tiga tahun lalu kepada 3.3 setiap dollar dan merupakan rekod terburuk di kalangan negara Asia lain.

Bank Negara juga menyemak semula unjuran pertumbuhan bagi seluruh 2013 ini kepada antara 4.5 dan 5.0 peratus daripada antara 5.0 peratus dan enam peratus sebelum ini.

Malah, hari ini nilai ringgit terus mengalami kemerosotan pada 0.8 peratus kepada 3.3200 setiap dollar, paling rendah sejak Jun 2010, menurut laporan Reuters hari ini.

Dr Dzulkefly berkata kejatuhan mata wang bakal memberikan kesan yang buruk kepada rakyat Malaysia terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah.

"Ia secara tidak langsung melebarkan kesan kepada kumpulan berpendapatan rendah dan akan mewujudkan tekanan sosial.

"Kerajaan perlu mengambil serius perkara ini," kata beliau lagi.

Kebimbangan krisis mata wang 1997 menyelebung kembali rantau Asia susulan kejatuhan nilai mata wang negara jiran Indonesia dan India, serta penganalisis meramalkan Malaysia berkemungkinan menjadi negara seterusnya.

Menurut Dzulkefly, negara memiliki ciri-ciri kemungkinan krisis mata wang akan meruncing walaupun penganalisis menegaskan situasi tidak sama berlaku ketika ini berbanding situasi pada 1997.

"Walaupun penganalisis kata situasi tidak sama dengan krisis 1997, ingin saya tegaskan Malaysia mempunyai ciri-ciri mata wang negara akan bermasalah.

"Malaysia mempunyai defisit fiskal yang tinggi, negara sedang mengalami pertumbuhan yang perlahan dan pegangan bon asing yang tinggi dalam negara, ini adalah ciri-ciri mata

wang negara akan bermasalah," katanya.

Beliau turut menggesa kerajaan untuk mengambil langkah cepat dalam menyediakan pelan tindakan menangani kejatuhan ringgit di samping berinteraksi dengan pelabur dan penganalisis ekonomi untuk mengelak situasi lebih buruk berlaku.

"PAS menggesa kerajaan untuk mengambil pelan tindakan segera terhadap kejatuhan ringgit dan berbincang dengan komuniti perniagaan seperti pelabur, penganalisis dan agensi penarafan untuk menangani isu ini daripada lebih parah," katanya.

Agensi penarafan kredit dunia, Fitch Ratings baru-baru ini meletakkan Malaysia pada kedudukan negatif, serta mempersoalkan langkah kerajaan yang mengabaikan reformasi kewangan terutamanya selepas berakhir pilihan raya baru-baru ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menghadapi cabaran kepimpinan menjelang pemilihan parti Oktober ini, menimbulkan ketidaktentuan janjinya untuk mengurangkan defisit sebanyak 4.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), Malaysia antara negara yang mempunyai hutang tertinggi di Asia.

Malaysia mencatatkan hutang kerajaan kepada KDNK 53.10 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar pada 2012. - 23 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-kejatuhan-mata-wang-bakal-burukkan-pertumbuhan-ekonomi-negara>